



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 (5⁹)

Tarikh : 8 Julai 2015

Semua Staf,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
Kem Sungai Besi,
Kuala Lumpur.

Yang Berbahagia Dato'/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2015
PEMANSUHAN PEMBERIAN WANG TUNAI SEBAGAI GANTIAN BAGI CUTI
REHAT YANG TIDAK DAPAT DIHABISKAN OLEH
PEGAWAI LANTIKAN SECARA KONTRAK**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pemansuhan pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan oleh pegawai lantikan secara kontrak di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

2.0 DEFINISI

Dalam Pekeliling ini:

“**Ketua Jabatan**” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan di Fakulti/Pusat/Jabatan/Bahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa melaksanakan tugas Ketua Jabatan di UPNM;

“**Pegawai**” bermaksud seseorang pegawai sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana yang berkhidmat di UPNM;

“Pegawai Lantikan Kontrak” bermaksud seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dalam tempoh kontraknya di UPNM.

“Pihak Berkuasa Melantik” bermaksud pihak berkuasa melantik bagi sesebuah agensi yang diberi kuasa untuk melantik seseorang berkhidmat dengannya. Ini termasuklah Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan yang diwakilkan kuasa oleh PBM;

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Pekeliling ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengurusan Universiti Bil. 2 Tahun 2015 yang bersidang pada 29 Mei 2015.
- 3.2 Kemudahan Cuti Rehat bagi pegawai lantikan secara kontrak adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 - Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract Of Service) (PP 2/2008). Mengikut Pekeliling Perkhidmatan tersebut, baki Cuti Rehat yang tidak diambil oleh seseorang pegawai lantikan secara kontrak akan luput apabila sesuatu tempoh kontrak pegawai yang berkuat kuasa tamat.
- 3.3 Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab kepentingan perkhidmatan, terdapat pegawai lantikan secara kontrak tidak dapat menghabiskan kemudahan Cuti Rehat yang telah diperuntukkan. Sebagai penghargaan dan pengiktirafan atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan, kemudahan Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan oleh pegawai lantikan secara kontrak diberi gantian dalam bentuk wang tunai sebelum ini.
- 3.4 Memandangkan bilangan pegawai lantikan secara kontrak yang semakin meningkat di UPNM dan kos pengurusan ke atas bayaran balik ganjaran wang tunai bagi cuti yang tidak dapat dihabiskan meningkat setiap tahun kemudahan Cuti Rehat telah dikaji semula.
- 3.5 Jabatan Pendaftar mendapati bahawa pengurusan cuti pegawai lantikan secara kontrak tidak terurus dengan baik kerana baki cuti yang tidak diambil akan digantikan dengan wang tunai sedangkan pegawai boleh merancang cuti tahunan dengan sistematik.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Rentetan daripada peningkatan prestasi perbelanjaan tahunan Universiti, pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan oleh pegawai lantikan secara kontrak adalah **dimansuhkan** di mana pegawai lantikan secara kontrak perlu menghabiskan Cuti Rehat mengikut kelayakan seperti di dalam surat tawaran pelantikan dan Gantian Cuti Rehat (GCR) boleh dibayar dengan bersyarat.
- 4.2 Sekiranya pegawai telah memohon Cuti Rehat tetapi tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan disebabkan kepentingan perkhidmatan di jabatan, maka ganjaran Cuti Rehat layak dibayar kepada pegawai tersebut mengikut SPP Bil. 17 Tahun 2008 dengan syarat pegawai dapat mengemukakan permohonan cuti yang telah ditolak oleh Ketua Jabatan.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2015**.

6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke Pihak Berkuasa Melantik yang baharu.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Yang benar,


MOHD BAKHARI BIN M. YASIN
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

- s.k
- Naib Canselor
 - TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
 - TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
 - PNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
 - PNC Penyelidikan dan Inovasi
 - Pegawai - Pegawai Kanan
 - Dekan – Dekan Fakulti
 - Pengerusi GPTI
 - Pengerusi NADIMASA
 - Pengerusi KESUPNA